

Tenunan Songket Warisan Negara: Sumbangan Dan Pengalaman Tokoh Songket Terengganu.

Siti Aishah Mokhtar¹, Noor Rahmawati Alias², Nurin Syazwani Mustapa³, dan Siti Nor Aisyah Taliyang⁴.

- ¹ UiTM Cawangan Kelantan; aishah835@uitm.edu.my;  0009-0005-8916-0856
² UiTM Cawangan Kelantan; rahmawati@uitm.edu.my;  0000-0001-5788-4343
³ UiTM Cawangan Kelantan; nurinsyazwanimustapa@gmail.com
⁴ UiTM Cawangan Kelantan; aisyahkaliyang@gmail.com
* Correspondence: aishah835@uitm.edu.my; +60133869763.

Abstrak: Kajian ini bertujuan meneroka hasil tenunan songket sebagai salah satu warisan dan simbol tarikan di Malaysia. Kajian ini dilihat dari aspek peralatan, budaya, motif, penggunaannya dan tarikan tenunan songket di Malaysia. Pendekatan kuantitatif telah digunakan di dalam kajian ini di mana teknik pengumpulan data dilakukan secara temubual bersama tokoh songket negara dari negeri Terengganu, adiguru Wan Manang Bin Wan Awang bagi mendapat keterangan yang lebih terperinci perihal songket sebagai simbol warisan negara. Kajian ini mendedahkan keistimewaan songket Terengganu serta proses penghasilannya di kalangan pengusaha songket warisan Terengganu. Faktor perubahan di dalam industri tenunan songket di era globalisasi ini meliputi kaedah pembuatan moden, motif dan keaslian fabrik songket, permintaan, dan trend pemakaian pada fesyen moden mengikut cita rasa pengguna. Kajian ini juga mendapati cabaran berkaitan pengedaran songket tradisional memerlukan semua pihak untuk memainkan peranan agar industri songket dapat dimartabatkan sebagai warisan dan budaya negara Malaysia.

Kata kunci: Wan Manang Bin Wan Awang, Songket Motif, Cabaran, Warisan, Fesyen Moden.

DOI: 10.5281/zenodo.11114573



Copyright: © 2024 by the authors. Submitted for open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY) license (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

1. PENGENALAN

Songket merupakan kain brokat yang popular di dunia Melayu sekarang yang merangkumi Brunei, Indonesia, Malaysia, dan Singapura. Ianya direka dengan indah menggunakan benang emas atau perak dan tenunan tangan dari sutera atau kapas. Fabrik songket menggunakan kaedah tenun di mana benang emas ditenun di antara benang sutera. Fabrik mewah dan mahal yang digunakan untuk menghasilkan kain songket menunjukkan keperibadian seseorang dan juga melambangkan keanggunan dan keindahan si pemakai. Tenunan songket juga merupakan gambaran keanggunan zaman warisan orang Melayu. Songket, merupakan salah satu kraf tradisional yang terkenal di Asia. Ini adalah hasil tenunan tangan tradisional Melayu yang menggunakan pelbagai corak untuk mempamerkan seni tekstil yang tinggi.



Gambar 1: Kain tenunan Songket

Di Malaysia masyarakatnya mempunyai tradisi seni tekstil yang kaya yang diturunkan turun-temurun di setiap lapisan generasi menjadikan tekstil Malaysia adalah salah satu seni hidup negara, yang menyumbang kepada pertumbuhan budaya negara. Hal ini demikian kerana tradisi yang lahir dari lokasi unik Malaysia di persimpangan Asia Tenggara, di mana perdagangan membolehkan aliran budaya dan teknologi berkembang. Tenunan Songket adalah salah satu bentuk seni yang paling terkenal di kalangan masyarakat dari pelbagai etnik dan budaya di Malaysia. Terengganu adalah salah satu negeri yang terkenal dengan pengeluaran tenunan songket, di samping songket daripada Kelantan, Pahang, dan Sabah. Songket setiap negeri adalah beragam dan unik berdasarkan pembuatan dan pengeluaran mereka, hasil kepakaran dan imaginasi penenun dalam penciptaan corak. Hasil tenunan yang indah dan unik justeru menjadikannya salah satu tekstil warisan negara.

Persekitaran mempunyai kesan terhadap sebilangan besar tema songket di Malaysia, sebagaimana ia dicipta hasil daripada pemerhatian dan penemuan masyarakat tempatan di sekitarnya. Secara umumnya, pemakaian songket kebiasaannya pada majlis-majlis tertentu seperti perkahwinan, dan acara adat istiadat diraja melayu. Tetapi kini pemakaian songket lazimnya dipakai ketika hari raya atau hari biasa oleh masyarakat moden. Ini kerana berikutan perkembangan fesyen terkini telah menjadikan pemakaian songket sebagai pakaian melayu tradisional yang boleh dipakai pada bila-bila masa.

Kajian mendapati bahawa songket di Terengganu merupakan fabrik yang paling terkenal disebabkan kualiti dan aspek keperibadian Songket Terengganu sangat bagus dan unik. Idea dan kemajuan dalam pembuatan tekstil, terutama songket, dipengaruhi oleh kreativiti dan identiti budaya masyarakat di Terengganu. Malah kepelbagaian fungsi dalam kehidupan masyarakat setempat di Terengganu juga memainkan peranan utama di dalam mempromosikan songket sebagai pakaian warisan negara. Selain itu, motif, corak dan reka bentuk yang dihasilkan oleh penenun dari Terengganu menepati cita rasa orang ramai dan penghasilannya sentiasa mengikuti permintaan fesyen terkini.



Gambar 2: Corak songket Terengganu

2. PERMASALAHAN KAJIAN

Permasalahan kajian ini mendapati bahawa kelestarian songket tradisional semakin pupus oleh kerana perubahan fesyen pada masa kini. Hal ini demikian kerana pengaruh persekitaran, budaya, muzik, dan hiburan dunia luar semuanya memberi kesan pada peredaran fesyen semasa. Faktor ini juga dipengaruhi oleh adat semasa di mana pakaian tradisional seperti songket yang biasanya dipakai di majlis perkahwinan dan acara rasmi adat istiadat sahaja. Pemakaian songket kurang dijadikan sebagai pakaian kasual oleh generasi muda sekarang. Akibatnya, fesyen moden terkini lebih mendapat sambutan berbanding pemakain songket. Tambahan pula generasi muda di Malaysia kini telah banyak terdedah dengan budaya bangsa lain seperti budaya dari negara Korea, Jepun, dan negara-negara barat dari segi pemikiran, fesyen, dan aspek kehidupan yang lain. Akses kepada informasi yang lebih mudah dengan kemajuan teknologi terkini melalui pelbagai media sosial mempengaruhi penerapan budaya lain masuk ke Malaysia. Justeru itu, agak sukar untuk menerapkan dan mengekalkan pemakaian songket di kalangan generasi muda kini.

Selain itu, permasalahan daripada kajian ini mendapati bahawa pesaingan daripada negara luar merupakan faktor utama yang menjejaskan industri tenunan songket. Hal ini demikian kerana songket yang diimport dari negara-negara lain, seperti India, Pakistan, Vietnam dan Indonesia, memonopoli pasaran tempatan secara progresif, menjadikan songket tenunan tangan tempatan ini semakin dilupakan. Lambakan songket tiruan dari negara India, Pakistan dan juga Vietnam menggugat pasaran tenunan songket negara kita. Persaingan tersebut dapat dilihat melalui kualiti dan harga songket dan tidak dapat dinafikan songket dari luar jauh lebih murah daripada songket asli, yang ditunen sepenuhnya dengan tangan oleh penenun Malaysia yang berharga mencecah ratusan, dan ribuan ringgit. Harganya yang agak mahal mengakibatkan sesetengah masyarakat lebih memilih yang tiruan berbanding songket asli tempatan. Akibatnya, songket asli buatan Malaysia semakin dipinggirkan.

Seterusnya, permasalahan yang timbul dari hasil kajian ini adalah akibat pandemik Covid-19 yang juga turut memberikan kesan yang buruk terhadap industri tenunan songket di Malaysia. Umum ketahui, tenunan songket di Malaysia terutamanya di Terengganu sangat terkenal di kalangan pelancong asing bahkan ianya menjadi salah satu tarikan budaya di Terengganu. Kesan daripada pandemik Covid-19 telah memberikan impak yang buruk kepada industri songket di Malaysia kerana sektor pelancongan telah ditutup untuk mengekang penularan wabak Covid-19. Pandemik Covid-19 juga telah menjejaskan pengusaha-pengusaha songket kerana permintaanya kurang daripada penduduk lokal. Pemakaian songket selalunya di gayakan dalam majlis perkahwinan, festival kebudayaan dan juga di acara-acara rasmi adat istiadat melayu. Namun akibat penularan wabak ini majlis-majlis tersebut tidak boleh diraikan seterusnya menjadikan permintaan pakaian songket semakin merudum.

Justeru itu, kajian ini dijalankan bagi menaikkan kembali populariti songket di Malaysia dengan memfokuskan songket Terengganu yang unik serta menonjolkan usahawan songket ini agar seni tekstil yang indah ini dapat diangkat namanya ke persada pasaran lokal dan global.

3. OBJEKTIF KAJIAN

Terdapat empat objektif dari kajian ini iaitu:

1. Mengenal pasti perkembangan songket di Terengganu dalam era fesyen moden dan persaingan hebat seluruh dunia.
2. Mengenal pasti peranan dan fungsi persekitaran terhadap sumber idea atau inspirasi kepada penenun dalam menghasilkan corak dan motif yang unik dan menarik dalam pembuatan songket di Terengganu.
3. Meneroka proses pembuatan songket buatan Terengganu yang unik dan bermutu tinggi dengan corak yang klasik bersesuaian dengan adat dan budaya melayu di Malaysia.

4. Mengkaji cabaran yang dialami penenun di dalam industri tenunan songket di Terengganu.

4. PERSOALAN KAJIAN

Persoalan kajian ini adalah:

1. Apakah perkembangan tenunan songket di Terengganu dalam era fesyen moden dan persaingan hebat seluruh dunia?
2. Apakah peranan dan fungsi persekitaran terhadap sumber idea atau inspirasi kepada penenun dalam menghasilkan corak dan motif yang unik dan menarik di dalam pembuatan songket tradisional di Terengganu?
3. Bagaimanakah proses pembuatan songket buatan Terengganu yang unik dan bermutu tinggi dengan corak yang klasik bersesuaian dengan adat dan budaya melayu di Malaysia?
4. Apakah cabaran yang dihadapi oleh penenun di dalam industri songket di Terengganu?

5. KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Penyelidikan ini diharapkan dapat memberikan pendedahan kepada masyarakat tentang perkembangan industri tenunan songket di Terengganu. Peranan songket sebagai salah satu seni tekstil yang menyumbang kepada pertumbuhan budaya dan ekonomi di Malaysia tidak dapat dinafikan. Kajian ini dilakukan supaya penghasilan fabrik songket dapat diteruskan dan nilainya dapat dimartabatkan oleh generasi muda sekarang. Kajian ini juga dijalankan bagi menyebarkan kesedaran bahawa seni halus tenunan songket di Terengganu adalah salah satu warisan negara yang perlu dilestarikan supaya ianya tidak lapuk ditelan zaman.

Selain itu, kajian ini dilakukan berharap dapat menyumbang kepada penyebaran pengetahuan mengenai proses tenunan songket di Terengganu kepada masyarakat, organisasi, dan generasi akan datang. Tenunan songket bukanlah sesuatu yang mudah untuk dihasilkan dan mempunyai nilainya yang tersendiri di dalam adat Melayu. Songket Terengganu bukan sahaja dapat menolong ekonomi rakyat tempatan di Terengganu, malah juga dapat memperlihatkan budaya masyarakat, dan pembentukan jati diri dan identiti masyarakat yang mempunyai nilai peradaban dan kesopanannya yang tinggi, terutama dalam kalangan masyarakat Melayu.

Kajian ini juga diharapkan dapat memberi kesedaran kepada masyarakat Malaysia bahawa tenunan songket di Terengganu perlu dipelihara dan diteruskan legasinya oleh generasi akan datang. Hal ini kerana, industri songket Terengganu telah mengubah tekstil kreatif menjadi lambang keperibadian dan identiti orang Melayu di Malaysia.

6. TINJAUAN LITERATUR

6.1 Songket Terengganu

Songket adalah kain tradisional Melayu yang mempesonakan yang tergolong dalam kumpulan brokat daripada tekstil. Songket dihasilkan melalui tenunan benang sutera atau kapas dan corak songket dibentuk oleh emas atau benang logam berwarna. Tiada dokumentasi yang jelas menunjukkan asal usul songket di Malaysia namun dipercayai bahawa songket sampai ke Semenanjung Tanah Melayu sekitar abad kelima belas melalui aktiviti perdagangan, migrasi dan perkahwinan politik (Kheng, 2011). Tenunan songket Terengganu dikatakan mula menjadi suatu industri pada sekitar abad ke-18, dan songket antara tekstil utama yang telah menaikkan nama negeri Terengganu menjelang abad ke-19 sehingga telah diberikan gelaran "*Birmingham of the Peninsula*" (Mohd Noor & Abd Wahab, 2019).

Industri songket di Terengganu merupakan perusahaan yang biasanya diwarisi oleh sesebuah keluarga daripada generasi yang lebih tua kepada anak cucu mereka dan industri ini juga dijadikan sebagai punca pendapatan utama keluarga para penenun ini. Hasil kajian terdahulu dalam kalangan

penenun songket wanita di Terengganu yang mengusahakan tenunan ini secara industri kecil-kecilan mendapati bahawa ilmu tenunan songket ini biasanya diperturunkan kepada generasi yang lebih muda secara lisan, tanpa ada dokumentasi khusus bagi rujukan generasi akan datang (Mokhtar, 2018; Zhang, 2019).

Dewasa ini, perusahaan songket telah menjadikan Terengganu salah satu destinasi pelancongan yang menarik perhatian pelancong dari dalam dan luar negara. Usahawan tekstil Terengganu pernah menduduki tempat teratas statistik usahawan tekstil kebangsaan dan pendapatan negeri Terengganu melalui aktiviti penjualan tekstil (songket, batik dan kain sutera) merupakan antara yang tertinggi menyumbang kepada pendapatan negara melalui aktiviti pelancongan, kesenian dan kebudayaan Malaysia. Justeru, tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa industri pembuatan songket di Terengganu bukan sahaja melestarikan identiti masyarakat Melayu dengan corak tenunan yang menarik dan indah, bahkan menjadi pendokong ekonomi warga bumi tercinta di Malaysia (Yusof et al., 2018).

Kesenian halus pembuatan songket beserta corak yang unik dan bahan yang agak mahal menjadikan songket lebih banyak digunakan dalam acara keraian tertentu seperti pertabalan diraja, acara perkahwinan, acara-acara keagamaan seperti berkhatan dan bercukur jambul meraikan anak yang baru dilahirkan. Songket sering digayakan sebagai pakaian dalam majlis-majlis rasmi dan antara gaya terkini adalah penghasilan songket bagi produk tas tangan, kasut, aksesori dan hiasan meja serta pelbagai bentuk kraftangan menarik. Setiap aspek penghasilan kain songket dilakukan dengan sangat teliti dan menggunakan bahan-bahan yang bermutu tinggi supaya masyarakat dapat mengenal pasti dengan lebih mudah songket asli buatan Terengganu. Perlu dijelaskan, songket seni fabrik yang sangat halus dan tinggi mutu keasliannya, memperolehi tempat yang istimewa dalam sosio budaya masyarakat Melayu. Arba'iyah (2021).

6.2 Faktor Persekitaran Mempengaruhi Motif Atau Corak Songket.

Faktor persekitaran memainkan peranan penting di dalam mereka sesuatu motif pada fabrik songket. Terdapat reka bentuk seperti bunga berselerak, bunga penuh, bunga berpola, dan sebagainya yang sering digunakan oleh penenun di Terengganu. Corak-corak tersebut diilhamkan daripada faktor persekitaran yang terdapat disekitar penenun songket. Hal ini adalah kerana terdapat unsur alam semula jadi yang sering digunakan oleh dalam motif tenunan songket di Terengganu (Ahmad et al., 2015).

Ada juga motif tenunan songket yang diilhamkan melalui persekitaran masyarakat sekeliling seperti mempunyai unsur corak batik. Di dalam mereka bentuk corak tersebut pada fabrik untuk menghasilkan kain songket, terdapat lima (5) perangka bentuk asas dipilih untuk menggambarkan motif songket iaitu eksentrik, kekompakan, cembung, segi empat, dan kekukuhan. Mereka dipilih kerana mudah dilaksanakan, padat, dapat diindeks, dan tidak berubah-ubah secara geometri (Jamil, 2011).

6.3 Proses Tenunan Songket

Penghasilan songket boleh dibahagikan kepada beberapa proses utama. Terdapat pengusaha yang membahagikan proses ini kepada tujuh aktiviti utama, manakala terdapat pengusaha songket membahagikannya kepada sembilan dan juga sebelas aktiviti (Kheng, 2011). Berikut merupakan sembilan proses yang dilakukan semasa menenun songket iaitu:

1. Mencilup benang – proses mencelup benang kapas dan sutera untuk diberi warna, manakala benang emas dan perak tidak perlu diwarnakan.
2. Meleraai benang - proses di mana penenun meleraikan benang- benang dari gulungan yang besar menggunakan alat yang dipanggil peleting dan rahat.
3. Proses menganing - proses merentang benang untuk mengetahui ukuran panjang benang tersebut bagi mengetahui jumlah helai kain yang boleh dihasilkan.

4. Proses menggulung – proses memindahkan benang yang siap ditenun ke papan penggulung. Benang yang sudah siap di papan gulung digantung pada tongkat di hujung kek. Benang loseng adalah benang yang berasal dari papan gulung ini.
5. Proses menyapuk – Proses menyapuk adalah proses dimana penenun memasukkan benang ke dalam jentera untuk menarik benang keluar dari papan gulung.
6. Proses mengarak – proses ini dilakukan setelah selesai proses menyapuk. Proses ini adalah kaedah jalinan karat untuk membuat dua lapisan loseng.
7. Proses membuat bunga - Setiap bunga yang telah siap akan disimpul dan dipanggil “butang”.upah yang diambil untuk menghasilkan bunga bergantung kepada butang yang dihasilkan.
8. Proses menyongket – proses menyongket dilakukan bagi menimbulkan corak pada kain songket.
9. Proses menenun – ini adalah proses terakhir dalam proses tenunan songket. Proses menenun ini dimulakan dengan memangkah benang losen berulang kali sehingga membentuk sehelai kain yang dipanggil songket.

6.4 Cabaran Industri Tenunan Songket.

Industri songket di Malaysia kini mempunyai persaingan yang amat sengit daripada songket luar negara dan memberikan impak yang kurang memuaskan bagi pengeluar songket tempatan khususnya penenun di Terengganu selaku pengeluar songket terbesar di Malaysia. Walaupun songket tempatan mempunyai kualiti yang tinggi tetapi terdapat banyak faktor yang telah menjejaskan industri songket di Malaysia. Antaranya ialah penjualan songket dari luar negara seperti India, Vietnam, Indonesia dan juga Thailand yang biasanya dijual dengan harga yang lebih murah berbanding songket tempatan (Ahmad et al., 2015). Perkara ini berkemungkinan berpunca daripada kos buruh dalam menghasilkan tenunan songket di negara-negara jiran lebih murah jika dibandingkan di Malaysia meskipun kualiti songket tempatan lebih tinggi (Yusof et al., 2018). Justeru, songket tempatan perlu berusaha keras bagi memastikan mereka tidak tewas kepada permintaan songket luar negara yang semakin menghimpit dan memopoli pasaran dalam negara.

Pelancongan di Terengganu sangat sinonim dengan industri songket berbanding negeri-negeri lain di Malaysia. Apabila sektor pelancongan ditutup bagi mengelakkan penularan wabak tersebut, ianya turut menjejaskan industri songket di Terengganu kerana tiada pelancong dari dalam atau luar negara dibenarkan melancong ke Terengganu sekaligus ekonomi tempatan di Terengganu begitu terkesan dan terjejas (Yusof et al., 2018).

7. METODOLOGI

Metodologi kajian adalah penting supaya penyelidikan yang dijalankan mempunyai kaedah yang paling sesuai dan berkesan dalam menjawab permasalahan kajian. Oleh itu, kaedah kajian yang dijalankan adalah melibatkan pendekatan kajian, peserta kajian dan prosedur pengumpulan data. Dalam kajian ini, pendekatan kuantitatif telah digunakan di mana teknik pengumpulan data dilakukan seperti temubual bersama tokoh songket negara bagi mendapat keterangan yang lebih terperinci mengenai perihal songket sebagai simbol warisan negara. Tambahan maklumat juga diperolehi daripada sumber-sumber ilmiah yang dikumpulkan oleh para penyelidik tentang topik yang berkaitan dengan songket. Temubual dijalankan bersama Encik Wan Manang Bin Wan Awang iaitu pengusaha songket di Terengganu.

Tokoh ini dipilih kerana beliau merupakan pengusaha songket Terengganu. Selain itu, beliau dipilih untuk membantu di dalam menyelesaikan tugas ini kerana beliau merupakan pengusaha songket yang berjaya sehingga menerima gelaran Adiguru Kraf Songket. Beliau juga mempunyai banyak pengalaman dalam bidang tenunan songket. Kami menggunakan kaedah temubual secara atas

talian menggunakan aplikasi *Google Meet* disebabkan faktor keadaan pandemik Covid-19 yang menimpa negara kita. Kaedah ini digunakan kerana kekangan masa dan perlu mematuhi perintah kawalan pergerakan. Selain menggunakan kaedah temubual, kami juga menggunakan kaedah rujukan artikel atas talian untuk mengumpul lebih banyak maklumat dan data berkaitan dengan tenunan songket.



Gambar 3: Adiguru Songket Wan Manang Wan Awang

8. HASIL KAJIAN

Hasil daripada kajian ini diperolehi berdasarkan dua sumber iaitu kajian literatur dan juga hasil temubual bersama Adiguru songket di Terengganu iaitu Encik Wan Manang Bin Wan Awang. Bahagian ini dibahagikan kepada lapan perkara utama sebagaimana berikut.

8.1 Songket Lambang Tradisi dan Budaya Orang Melayu

Berdasarkan kajian literatur yang dibuat oleh penyelidik, songket merupakan kain tenunan tradisional yang telah berkurun lama diusahakan oleh orang melayu di setiap lapisan generasi. Menurut songket digelar sebagai ratu fabrik melayu yang unggul dan mewakili kesopanan dan adat istiadat Melayu, yang mempunyai nilai yang besar dari segi peradaban dan kesopanan. Songket mempunyai peranan yang penting dalam masyarakat melayu di atas beberapa faktor seperti kehadiran industri songket dapat menjana pendapatan masyarakat melayu juga telah mendapat tempat istimewa dalam sosio budaya orang melayu.


Selain itu falsafah tenunan songket adalah pernyataan cinta kecantikan yang terbentuk dari kejujuran dan kreativiti penenun yang memerlukan kesabaran dan usaha bagi setiap penenun. Idea yang dipilih oleh penenun untuk pemilihan motif tertentu berasal dari pemerhatian sepanjang hayat mengenai ciri fizikal atau sifat itu sendiri. Faktor-faktor yang mempengaruhi keserasian dan keharmonian orang Melayu dengan alam dan persekitarannya telah dibentuk untuk memudahkan sejumlah besar pemilihan corak fabrik terutamanya mengenai tema-tema yang terdapat dalam seni tekstil Melayu.

8.2 Cara-cara pembuatan songket

Encik Wan Manang selaku Adiguru songket di Terengganu mengakui bahawa penghasilan songket bukanlah sesuatu yang mudah kerana ianya memerlukan kemahiran tenunan yang bagus untuk menghasilkan sehelai songket yang bermutu tinggi. Penghasilan songket memerlukan sekitar anggaran tiga bulan untuk siap bergantung pada corak, jenis benang dan juga jenis fabrik mengikut permintaan dari pelanggan. Proses pembuatannya sangat rumit dan memerlukan ketelitian yang maksima supaya hasilnya berkualiti tinggi. Menurut pengalaman dan kemahiran beliau, proses pembuatan tenunan songket dimulakan dengan mereka membentuk corak kemudian mencelup bagi memberi warna pada benang tersebut, seterusnya menerai, menganing menggulung, menyapuk, mengarat, menyungkit dan akhir sekali menenun.

8.3 Motif Songket

Berdasarkan tinjauan literatur yang dibuat, terdapat pelbagai jenis motif songket. Antaranya ialah corak pucuk rebung, jalur menegak, siku keluang, corak penuh dan corak berterabur. Kebanyakan motif yang direka ini kebiasaannya diilhamkan dari persekitaran flora dan fauna. Antara corak flora yang boleh dilihat pada kain songket adalah corak bunga lawang. Di Terengganu, motif seperti corak bunga tabur dan corak tampuk manggis sangat terkenal di kalangan penduduk tempatan dan juga pelancong dari luar. Secara ketara, corak songket didasarkan pada sampel yang dipilih dari pelbagai watak dan disatukan oleh reka bentuk, tetapi mereka masih mencerminkan corak songket tradisional. Jadual 1 di bawah menunjukkan pelbagai motif songket yang sering diguna pakai oleh penenun di Malaysia.

Jenis	Nama motif
	Corak bunga tabur
	Corak menegak
	Corak pucuk rebung
	Corak siku keluang

8.4 Kemahiran warisan

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa industri songket di Terengganu diturunkan kepada generasi berikutnya di dalam sesebuah keluarga, berdasarkan wawancara dengan pengusaha songket iaitu Encik Wan Mang Bin Wan Awang. Biasanya, generasi pekerja tua dalam industri ini akan menyampaikan kepakaran mereka kepada penggantinya sehingga syarikat itu dapat terus

berkembang dan supaya legasi tenunan songket tidak lapuk ditelan zaman. Menurut Encik Wan Manang Bin Wan Awang, beliau mewarisi kepakaran dalam menenun songket daripada ibu dan nenek beliau. Kini, kepakaran tenunan songket diturunkan pula kepada anak-anaknya dan kesemua anak-anaknya mempunyai bakat dalam menenun kain songket dan meneruskan syarikat songket yang diusahakannya sehingga ke hari ini.

Dalam perniagaan, pemindahan maklumat sangat penting kerana evolusi perniagaan memerlukan masa dan ilmu pengetahuan yang tinggi. Namun, tidak semua generasi sekarang suka menenun kerana prosedur ini memerlukan banyak masa dan kesabaran. Hal ini demikian kerana kemahiran dalam menenun songket bukanlah sesuatu yang mudah dipelajari. Ianya memerlukan masa yang agak lama untuk menghasilkan sehelai kain songket yang bermutu tinggi. Tambahan pula, di Terengganu songketnya ditenun dengan teliti dan bahan-bahan yang berkualiti supaya hasilnya bermutu tinggi. Jadi kemahiran warisan ini amat penting supaya martabat songket warisan negara akan terus dipandang tinggi.

8.5 Strategi Pemasaran yang Efektif

Strategi pemasaran dalam perniagaan amat penting untuk memastikan perniagaan tersebut terus berkembang dari hari ke hari. Sama seperti industri songket, semua pihak haruslah memainkan peranan masing-masing dalam memastikan industri songket di Malaysia berkembang lebih maju sehingga boleh memenuhi permintaan dunia. Terdapat berbagai strategi pemasaran yang efektif dan antaranya pengusaha songket harus terus mencari cara untuk meningkatkan penjualan mereka secara dalam talian dan secara langsung, melalui butik, kedai, dan melalui program yang sesuai. Strategi begini amat penting bagi menjamin bahawa sektor ini terus berkembang terutamanya pengusaha songket di Terengganu kerana Terengganu merupakan negeri pengeluar songket terbesar di Malaysia.

Peranan pemerintah atau pemborong kain songket seperti Jakel dan banyak lagi yang terlibat secara langsung dalam sektor ini harus meningkatkan usaha mereka untuk mempromosikan songket ke seluruh dunia agar pelancong antarabangsa lebih banyak mengetahui mengenai songket Malaysia. Tambahan pula, kerajaan harus mempromosikan songket dengan lebih giat lagi bagi memastikan penggunaan songket diserlahkan dan sejarah kemasyhurannya tidak akan hilang. Promosi boleh dilakukan melalui pelbagai *platform* media massa dan media sosial seperti Facebook, Instagram dan banyak lagi. Masyarakat di Malaysia juga haruslah memainkan peranan masing-masing dengan menyokong membeli songket buatan tempatan berbanding songket buatan dari negara luar walaupun harga songket buatan agak mahal tetapi kualitinya sangat bagus. Ini juga secara tidak langsung dapat membantu ekonomi penenun tempatan. Justeru itu, peranan semua pihak amatlah diperlukan supaya industri tenunan songket di Malaysia tidak dipinggirkan.

8.6 Harga Kain Tenunan

Tekstil tenunan hadir dalam berbagai macam pola, gaya, dan tema. Harga sehelai kain tenunan ditentukan oleh gaya, corak, dan motif yang dihasilkan. Harga kain tenunan yang akan dijual juga bergantung kepada pertimbangan betapa mudah atau rumitnya proses pembuatannya. Dari hasil temubual bersama Encik Wan Manang Bin Wan Awang, harga songket boleh mencecah ribuan ringgit bergantung kepada bahan, reka bentuk dan motif yang diminta oleh pelanggan. Jelasnya, pengeluaran setiap bentuk kain tenunan akan berbeza bukan sahaja dari segi harga, tetapi juga dari segi masa pembuatan. Penenun akan mengambil masa lebih lama untuk menyelesaikan proses tenunan sekiranya kain tenunan dibuat dengan kaedah yang lebih canggih.

9. KESIMPULAN

Songket memainkan peranan yang penting di dalam budaya orang Melayu. Pakaian songket melambangkan tradisi dan budaya orang Melayu yang mencerminkan nilai kesopanan, peradaban dan juga keanggunan. Songket juga turut memberi sumbangan yang besar dari segi ekonomi dan kemajuan industri tekstil kepada negara. Bahkan kewujudan tenunan songket juga turut membantu ekonomi penduduk tempatan di Terengganu. Industri songket di Terengganu haruslah diperlihara kerana fabrik songket di sana telah menjadi satu tarikan budaya yang seharusnya dibanggakan.

Industri warisan songket di negara ini akan beransur hilang sekiranya tidak diberikan kesedaran dan pendedahan kepada generasi pada masa sekarang. Langkah perlu diambil dengan segera bagi mengelakkan hilangnya salah satu identiti seni dan warisan di negara kita ini. Justeru, bersandarkan pada kenyataan tersebut, merupakan suatu kepentingan untuk mengetahui aspek-aspek utama mengenai industri songket dengan lebih mendalam kerana industri pembuatan songket telah banyak menyumbang jasa serta menaikkan dan mengharumkan nama Malaysia di persada dunia. Kesimpulannya, kajian yang dijalankan secara temubual ini diharap dapat memberi sedikit sebanyak ilmu pengetahuan terhadap industri songket ini.

Seterusnya, kajian ini juga diharapkan dapat membuka mata generasi sekarang akan penting dan ternilainya industri songket ini di mana mereka dapat membawa nama negara tercinta ke peringkat yang lebih tinggi. Akhir sekali, semua pihak haruslah memainkan peranan masing-masing bagi memartabatkan dan memelihara industri songket di Malaysia. Coraknya yang unik serta kualitinya yang bermutu tinggi mampu menembusi pasaran luar dan juga meningkatkan ekonomi negara.

RUJUKAN

- Abd Wahab, N. (2019). Pengaruh Indonesia terhadap tekstil di Terengganu pada abad ke-19: Indonesian influence on Terengganu textile in the 19thc. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 30(1), 01-27.
- Ahmad, N. H., Md Nawawi, N., Md Hashim, S. F., Ismail, N. H., & Mohamad, S. (2015). Evolusi penggunaan motif dan ragam hias dalam tenunan songket. *ECOMHAC2015 eproceedings*, 134-145
- Arba'iyah Ab. Aziz (2021). Songket Melayu: Serumpun bangsa sesantun budaya. *Jurnal Pengajian Melayu - JOMAS*, 32(2), 57-73. e ISSN 2735 – 1904 <https://doi.org/10.22452/JOMAS.vol32no2.4>
- Awang, N. H., Noor, M., Othman, N., Sa'at, N. H., & Ismail, R. (2021). Dorongan kelangsungan usahawan wanita dalam erusahaan batik dan songket. *Jurnal Pengurusan*, 61, 69-81.
- Azeman, N. F. S., & Nawawi, E. A. (2021). Transkrip wawancara bersama Puan Hajjah Zainab@ Ngah Binti Mamat tokoh kraf negara dan tokoh songket.
- Embong, R., Maidinsah, H., Abd Wahad, Z., & Abdul Aziz, N. M. (2012). Pemikiran matematik orang Melayu Terengganu dalam pembentukan corak tenunan songket/To'Puan Prof Madya Dr Rokiah Embong [et al.].
- Hashim, N., & Hussain, A. H. (2020). The value of environment in motifs Terengganu Songket Craft. *Journal of Educational Research & Indigenous Studies*, 2(1), 1-9.
- Hussin, N., Ahmad, M., Shahibi, M. S., & Tokiran, N. S. M. (2023). Uses of social media for marketing among entrepreneur weavers to sustain songket products in the Malay ottage industry. *Environment-Behaviour Proceedings Journal*, 8(SI12), 17-26.
- Jamil, N., Bakar, Z. A., & Sembok, T. T. (2006, July). Image retrieval of songket motifs using simple shape descriptors. *Geometric Modeling and Imaging--New Trends (GMAI'06)* 171-176). IEEE.
- Kheng, J. N. S. (2011). Revitalising the craft of songket weaving through innovation in Malaysia.
- Mohd Noor, A. & Abd Wahab, N. (2019). Pengaruh Indonesia terhadap tekstil di Terengganu pada abad ke-19: Indonesian influence on Terengganu textile in the 19th century. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 30(1), 01-27.
- Mokhtar, M. (2018). Art and craft in the era of creative industry in Malaysia. *Ars: Jurnal Seni Rupa dan Desain*, 21(2), 136-143.
- Nawawi, N., Aziz, A., & Legino, R. (2015). The nature of Malay songket textile patterns. *Business and Management Quarterly Review*, 6(23), 3rd ser., 41-56.
- S., Nopriandy, F., Hidayat, A., Setiawan, B., & M. (2018). Peningkatan daya saing pengrajin tenun songket di Desa Sumber Harapan, Sambas. *Seminar Nasional Sistem Informasi*, 1578-1584.
- Yusof, Y., Yusof, M. R., & Ibrahim, Y. (2018). Songket: The linkage between heritage and tourism in Malaysia. *Asian People Journal (APJ)*, 1(2), 207-216.
- Zhang, M., Sas, C., Lambert, Z., & Ahmad, M. (2019). Designing for the infrastructure of the supply chain of Malay handwoven songket in terengganu. *Proceedings of the 2019 CHI Conference on Human Factors in Computing Systems*, 1-15.